

SOALAN NO: 423

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BERTULIS
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: BERTULIS

DARIPADA: YB TUAN SHAMSUL ISKANDAR @ YUSRE BIN MOHD AKIN

SOALAN:

Tuan Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin [Bukit Katil]
minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan inisiatif-inisiatif
yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan mengatasi masalah gaji
rendah di kalangan rakyat Malaysia supaya dapat menampung kos
sara hidup yang semakin tinggi.

PR-1352-T01002

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Dewan Yang Mulia, dalam usaha Kerajaan untuk membawa Malaysia ke arah negara maju berpendapatan tinggi, isu kos sara hidup adalah tumpuan utama Kerajaan. Banyak usaha yang telah Kerajaan lakukan bagi memastikan rakyat kurang dibebani oleh peningkatan kos sara hidup sejak kebelakangan ini. Salah satu intervensi Kerajaan adalah melaksanakan dasar gaji minimum. Mulai tahun 2013, melalui penguatkuasaan Perintah Gaji Minimum 2012, Kerajaan telah melaksanakan gaji minimum sebanyak RM900.00 sebulan bagi Semenanjung Malaysia dan RM800.00 sebulan bagi Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan.
2. Selaras dengan peruntukan Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011 (Akta 732) Perintah Gaji Minimum telah dikaji semula dan Kerajaan telah bersetuju menaikkan kadar gaji minimum daripada RM900 sebulan kepada RM1,000 di Semenanjung Malaysia dan daripada RM800 sebulan kepada RM920 di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan mulai 1 Julai 2016. Faktor peningkatan kos sara hidup menjadi penentu utama bagi kajian semula di samping indikator-indikator sosio-ekonomi yang lain.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Malah, Kerajaan sentiasa melaksanakan pelbagai program untuk meningkatkan pendapatan rakyat, contohnya melalui latihan dan pendidikan seperti TEKUN, TUKAR, TERAJU, SUPERB, MARA, Dana Usahawan Muda, e-Rezeki, Dana Mudahcara dan bermacam-macam lagi.
4. Dari segi pengawalan kos pula, Kerajaan akan meneruskan Kedai Rakyat 1Malaysia (KR1M), Kedai Kain Rakyat 1Malaysia (KKR1M), PR1MA, Klinik 1Malaysia, Pusat Bersalin Berisiko Rendah (PBBR), Kad Diskaun Siswa 1Malaysia (KADS1M), Bantuan Buku 1Malaysia (BB1M) dan sebagainya. Diharap melalui inisiatif-inisiatif yang sedang dilaksanakan ini dapat mengurangkan beban rakyat susulan peningkatan kos sara hidup yang dihadapi sekarang.

⁴²⁴
SOALAN (430)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : YB DATIN MASTURA BINTI MOHD YAZID
[KUALA KANGSAR]**

SOALAN :

YB DATIN MASTURA BINTI MOHD YAZID [KUALA KANGSAR] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah kejayaan program TN50 yang paling ketara dan apakah hasil daripada semua program TN50 yang telah diadakan di seluruh negara setakat ini.

JAWAPAN :-

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Transformasi Nasional 2050 (TN50) merupakan kesinambungan kepada dasar-dasar utama negara terdahulu. Melalui pendekatan *bottom-up*, TN50 adalah sebuah konsep, falsafah dan visi yang lebih luas serta mencakupi semua segmen lain dalam kehidupan, ke arah membentuk Malaysia yang lebih berjaya dan unggul serta disegani di serata dunia.

Sejak ia mula dilancarkan, wacana TN50 ini telah mendapat sambutan yang sangat menggalakkan dari masyarakat Malaysia. Dalam setiap siri jelajah wacana TN50 yang dibuat, pelbagai idea, pandangan, cadangan dan aspirasi telah berjaya dikumpul mengikut kelompok atau segmen masyarakat yang terlibat. Hasilnya nanti, ia akan memberikan gambaran serta hala tuju jelas terhadap masa depan negara.

Melalui TN50 ini nanti, adalah diharapkan untuk tempoh 30 tahun akan datang, Malaysia akan menjadi antara 20 negara bangsa yang terbaik dan termaju, berwibawa serta mempunyai minda *par excellence* yang mampu melahirkan generasi *Khayra Ummah*.

Sekian, terima kasih.

7 Ogos 2017

425
SOALAN (431)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : YB PUAN TERESA KOK SUH SIM
[SEPUTEH]

SOALAN :

YB PUAN TERESA KOK SUH SIM [SEPUTEH] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan statistik pecahan penganut agama mengikut negeri di seluruh negara setakat Jun 2017.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, berdasarkan anggaran penduduk semasa 2017, jumlah penduduk di Malaysia dianggarkan berjumlah 32.0 juta orang. Pecahan penduduk mengikut agama di Malaysia mencatatkan penganut Islam seramai 19.7 juta orang, Buddha 6.3 juta orang, Kristian 3.0 juta orang, Hindu 2.0 juta orang dan 1.1 juta orang lain-lain agama.

Sekian, terima kasih

7 Ogos 2017